

8 JAN 1996

Anwar-Pemuda

ANWAR HORMATI PENDIRIAN PEMUDA UMNO

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau menghormati pendirian Pergerakan Pemuda UMNO untuk menyerahkan kepada Majlis Tertinggi (MT) membuat keputusan berhubung hasrat pemangku ketuanya Datuk Nazri Abdul Aziz untuk menyerah semula jawatan itu kepada Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi pertama Dialog Pasifik Kedua di sini petang ini, beliau berkata: "Itu pandangan Pemuda dan kita hormati pendirian mereka."

Anwar berkata perkara itu akan dibawa ke MT yang akan bermesyuarat pada Isnin depan.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Negeri Kedah, Encik Ahmad Lebai Sudin, dan beberapa pemimpinnya mengadakan pertemuan dengan Anwar di sebuah hotel di sini bagi menyampaikan keputusan Pemuda UMNO itu yang berasaskan pendirian Pemuda UMNO negeri-negeri.

Ahmad yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Bukit Lada, memberitahu pemberita bahawa keputusan yang dicapai Exco hari ini menunjukkan Pergerakan Pemuda UMNO menolak Rahim dengan sebulat suara dan meminta Nazri terus menerajui pergerakan itu.

Katanya, oleh kerana Rahim menghantar surat perletakan jawatan dahulu kepada MT, maka kenalah MT mengambil keputusan berhubung isu berkenaan dan bukannya Pemuda.

"Kita mahu Nazri terus memangku jawatan Ketua Pemuda sehingga pemilihan tahun ini, dan tidak mahu sebarang masalah baru timbul dengan kembalinya Rahim memimpin semula pergerakan ini," katanya.

Terdahulu Anwar yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, berkata para peserta dialog itu membincangkan dengan panjang lebar pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pendekatan baru negara-negara Pasifik terhadap masalah keselamatan di rantau ini sewaktu merasmikan dialog itu pagi tadi.

Katanya, pembicara hari ini mengambil kesempatan menggunakan dialog itu sebagai satu forum tidak formal bagi membincangkan isu-isu antarabangsa khususnya yang berkaitan rantau ini.

"Kita membincangkan perkara-perkara mengenai ekonomi, politik, persekitaran dan keselamatan antara negara-negara Asia dan Asia Timur secara menyeluruh dan penekanan diberi kepada sistem atau pendekatan politik rantau ini," katanya. -- BERNAMA